



Zambrzy memperagakan pingat perak yang dimenangi Jun Hoong pada majlis minum petang bersama Baiduri di Kediaman MB, semalam.

Hadiah pangsapuri RM320,000

➔ Buat Jun Hoong terima unit kediaman selain insentif tunai RM15,000 daripada kerajaan Perak

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

▀ Ipoh

Kerajaan Perak menghadiahkan seunit pangsapuri bernilai RM320,000 kepada penerjun negara, Cheong Jun Hoong kerana berjaya membawa pulang pingat perak pada Sukan Olimpik Rio 2016.

Selain seunit pangsapuri Casa Kayangan@Meru di Meru di sini, dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang dijangka siap sepenuhnya pada 2018, kerajaan negeri turut memberikan insentif tunai sebanyak RM15,000 kepada Jun Hoong.

Pengumuman dan penyampaian insentif itu dibuat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Sumber Manusia negeri, Datuk Shahrul Zaman Yahya yang mewakili Menteri Besar,

Datuk Seri Dr Zambrzy Abd Kadir pada sidang media bersama Jun Hoong di sini, semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan dan Pengerah Majlis Sukan Negeri (MSN) Perak, Musa Dun.

Pilih sendiri

Katanya, kerajaan negeri juga memberikan kebebasan kepada Jun Hoong untuk memilih sendiri unit kediaman yang menjadi pilihannya.

"Ini adalah hasil kerja keras selama 17 tahun Jun Hoong dan hanya dia sahaja yang tahu ke-ringat serta penat lelah untuk mendapatkan pencapaian sebaik itu sejak pembabitannya pada usia 9 tahun," katanya.

Sementara itu Jun Hoong berkata, dia sangat berterima kasih dan terharu atas penghargaan yang diberikan kerajaan negeri itu dan ia cukup bererti buatnya.

"Ia sangat istimewa, saya tidak dapat meluahkan perasaan saya dengan kata-kata.

"Kebetulan pula saya memang sedang mencari sebuah rumah, jadi hadiah ini sangat bermakna dan ia juga menjadi satu motivasi kepada saya untuk berusaha dengan lebih gigih baik dari segi sukan mahu pun bidang lain," katanya.

Ditanya mengenai komen segelintir netizen yang mempersoalkan pengiktirafan yang dianggap melampau atau berlebihan terhadap atlet yang pulang membawa pingat kepada negara, Jun Hoong berkata, dia tidak ambil hati dengan kenyataan sedemikian kerana baginya masyarakat bebas mempunyai pandangan sendiri.

Katanya, masyarakat umum hanya melihat suatu perkara itu pada permukaannya sahaja dan tidak tahu bagaimana kesusahannya dan kepayahan atlet untuk mencapai pada tahap dunia.